

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN  
MOHAMED SAID**

**[KUALA KRAU]**

**TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 30**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah proses penambahbaikan persidangan Dewan Rakyat telah dicapai termasuk menubuhkan beberapa Jawatankuasa. Apakah Jawatankuasa yang telah dipersetujui oleh Kabinet dan berapa Jawatankuasa yang masih dalam pertimbangan Kabinet.

**JAWAPAN:**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha-usaha ke arah mengembalikan wibawa institusi Parlimen, sebanyak enam (6) Jawatankuasa Pilihan Khas (*Special Select Committee*) telah ditubuhkan sebagai perintis berdasarkan kepentingan dan hala tuju Negara yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat pada Khamis, 16 Ogos 2018 semasa Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Keempat Belas.

Penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Khas ini adalah supaya wujudnya satu sistem mekanisme semak dan imbang serta pengawasan (*oversight*) yang lebih menyeluruh, di samping memupuk nilai akauntabiliti dalam ketiga-tiga cabang Kerajaan: Eksekutif, Perundangan dan Kehakiman di bawah satu badan yang bebas dan bipartisan yang diletakkan di bawah kawal selia Parlimen Malaysia. Penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan Khas ini juga adalah selari dengan amalan Parlimen di negara-negara luar dan sejajar dengan *Recommended Benchmarks for Democratic Legislators, Commonwealth Parliamentary Association (CPA)*.

Terdapat cadangan untuk menubuhkan beberapa Jawatankuasa Pilihan Khas yang akan dibawa ke Jawatankuasa Dewan, Majlis Dewan Rakyat Parlimen Keempat Belas bagi membincangkannya perkara ini.

Sekian, terima kasih